

WABAK, EPIDEMIK DAN PANDEMIK

DENGAN penularan penyakit COVID-19 di dunia, dewasa ini masyarakat disogokkan dengan berbagai-bagai perkataan atau istilah yang berkaitan dengan perubahan. Antaranya termasuklah istilah pandemik, endemik dan wabak yang sebenarnya menerangkan tahap penularan sesuatu penyakit dalam kalangan masyarakat.

ADAKAH istilah tersebut membawa maksud yang sama atau membawa maksud yang tersendiri? Dalam perbincangan ini, semua perkataan yang memasuki kosa kata Melayu diteliti sejarah kemunculannya, maksud dan penggunaannya dalam kalangan masyarakat.

Penyakit biasanya membawa maksud keadaan seseorang yang sakit kerana gangguan terhadap kesihatannya. Tahap keseriusan penyakit tersebut akan bertambah berat dengan peredaran masa serta bilangan orang yang dijangkiti penyakit tersebut. Oleh hal yang demikian, tahap awal sesuatu penyakit adalah pada tahap wabak, iaitu peringkat permulaan penularan sesuatu penyakit. Dalam bahasa Inggeris, kata padanan wabak ialah *outbreak*.

Pada mulanya, istilah wabak digunakan untuk merujuk penularan sesuatu penyakit apabila mula berjangkit-jangkit dalam kalangan masyarakat dan bilangan pesakit bertambah. *Kamus Pelajar* Edisi Kedua (2015) menerangkan wabak sebagai kejadian diserang penyakit menular yang merebak dengan cepat dalam kalangan penduduk sesuatu kawasan. Oleh itu, istilah wabak

menerangkan keadaan tahap pertama sesuatu penyakit sebelum menjadi parah. Maka wabak, khususnya merujuk sesuatu kejadian penyakit yang terjadi secara tiba-tiba dan jangkitannya hanya tersebar di kawasan tempatan tertentu sahaja. Kata wabak yang merupakan kata pinjaman Arab sudah digunakan dalam bahasa Melayu sebelum tahun 1970-an lagi.

Tahap kedua penularan penyakit dirujuk sebagai epidemik. Epidemik membawa maksud keadaan sesuatu penyakit berjangkit yang sudah merebak dalam kalangan penduduk sesuatu kawasan pada waktu yang sama. Hal ini juga merujuk penularan secara meluas sesuatu penyakit berjangkit dalam sesuatu masyarakat pada satu-satu masa yang tertentu.

Dalam penularan tersebut, banyak orang dijangkiti pada satu-satu masa tertentu di sesuatu ketempatan atau lokaliti. Lazimnya, apabila berlaku gejala epidemik sesuatu penyakit di suatu tempat, penyakit tersebut akan dijangkiti oleh sebilangan besar orang di tempat tersebut dan cepat pula menular ke kawasan-kawasan lain yang



Peta dunia menunjukkan penularan pandemik COVID-19 ke serata negara.

berdekatannya. Lingkungan penularan dan skala penyebaran kini lebih meluas dan sudah menjangkau kawasan tempatan.

Pertama kali kata epidemik direkodkan sekitar akhir abad ke-16 dan awal abad ke-17, iaitu antara tahun 1595 hingga 1605 dengan mendukung maksud "duduk di suatu tempat dalam kalangan masyarakat". Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) epidemik merujuk penyakit yang berlaku pada peringkat kawasan atau komuniti. Kata epidemik yang berasal daripada kata Latin sudah tercatat sebelum tahun 1970-an lagi dalam kosa kata Melayu.

Tahap ketiga penularan sesuatu penyakit dirujuk sebagai pandemik. Kata pandemik ini sudah digunakan sejak tahun 1853 untuk menerangkan kedudukan sesuatu penyakit yang ada pada tahap yang serius. Kata epidemik yang berasal daripada kata Latin sudah digunakan dalam kalangan masyarakat untuk menerangkan maksud penularan penyakit dalam kalangan masyarakat. Kata pandemik merupakan istilah baharu kerana memasuki kosa kata Melayu sekitar tahun 2000.

Jelas bahawa istilah pandemik digunakan untuk merujuk kedudukan sesuatu penyakit yang sudah tersebar luas di seluruh negara atau seluruh dunia. Contohnya, penyakit COVID-19 berada pada tahap pandemik sekarang kerana sudah menular ke seluruh dunia. Ciri penting pandemik adalah bahawa penyakit tertentu tersebar luas ke kawasan geografi yang cukup meluas dan dijangkiti pula oleh sebahagian besar populasi dunia. Dalam erti kata lain, penyakit tersebut sudah menular ke kawasan yang amat meluas dan sudah wujud di mana-mana tempat, serta semakin menjadi-jadi dan bersifat global.

Secara perbandingan istilah wabak, epidemik dan pandemik ada beberapa perbezaan dan persamaan. Wabak ialah penyebaran penyakit pada peringkat awal dan masih boleh dikawal. Epidemik pula difahami sebagai cetusan sejenis penyakit yang merebak dan menjangkit banyak orang pada masa yang sama dan lebih meluas daripada tahap wabak. Sementara itu, pandemik ialah sejenis penyakit yang merebak dengan



liputan kawasan yang lebih meluas dan dijangkiti oleh sebilangan penduduk dunia. WHO mendefinisikan pandemik sebagai penyebaran ke seluruh dunia sesuatu penyakit baharu.

Ringkasnya, pandemik ialah penyakit daripada tahap epidemik yang telah menular ke tahap yang lebih tinggi, iaitu tersebar luas ke seluruh negara, benua atau seluruh dunia. Oleh hal demikian, perbezaan antara pandemik, epidemik dan wabak terletak pada skala penyebaran penyakit.

Dalam pada itu, perkataan wabak, epidemik, dan pandemik bukan sahaja digunakan untuk merujuk penyebaran penyakit malah digunakan untuk merujuk gejala lain yang berlaku secara besar-besaran, seperti dalam contoh yang berikut:

- Agak menarik juga apabila dikatakan bahawa aktiviti ini sudah berlaku sejak tahun 1980-an dan kini kelihatannya sudah menjadi wabak yang sukar dibendung oleh pihak berkuasa.
- Sejak dua tahun lalu, National Panasonic (Malaysia) [NPM] membelanjakan tidak kurang RM4 juta bagi memerangi epidemik barang tiruan.
- Kemalangan jalan raya ialah salah satu daripada pandemik global yang membunuh lebih sejuta penduduk dunia pada setiap tahun.

Sumber: Korpus DBP

Dalam contoh tersebut, wabak, epidemik, dan pandemik merujuk gejala tertentu yang bukan berkaitan dengan penyakit, tetapi gejala lain seperti aktiviti masyarakat, pembuatan barang tiruan secara berleluasa dan kematian ramai orang melalui kemalangan jalan raya.

Selain itu, didapati adakalanya penggunaan istilah wabak, epidemik, dan pandemik disalahgunakan oleh masyarakat dalam percakapan dan penulisan mereka. Kadang-kadang

mereka menggunakan kata pandemik, epidemik, dan wabak secara bertukar ganti. Barangkali mereka beranggapan bahawa ketiga-tiganya bersinonim, walhal ketiga-tiga istilah mendukung makna yang berbeza, seperti yang dijelaskan dalam perbincangan ini. Lihat beberapa contoh penggunaan wabak, epidemik, dan pandemik yang kurang tepat.

- Dalam Bab 4 ada diterangkan tentang epidemik yang kadangkala disebut wabak.
- Epidemiologi moden boleh dikatakan wujud daripada kajian ke atas epidemik atau wabak penyakit yang berlaku beratus tahun dahulu.
- Dalam hal ini, pasukan penggempur Tartar mengalami epidemik wabak yang serius.
- Pandemik ialah wabak penyakit yang tersebar luas dan melibatkan banyak negara atau dunia.
- Pandemik ialah epidemik yang begitu meluas tersebar di keseluruhan kawasan atau benua atau seluruh dunia.

Sumber: Korpus DBP

Dalam contoh yang disenaraikan itu, terdapat kekeliruan antara istilah wabak, epidemik dan pandemik. Seperti yang diterangkan pada awal, wabak, epidemik dan pandemik merupakan tahap penyebaran penyakit. Oleh itu, menggunakan dua istilah tersebut dalam satu ayat adalah kurang tepat. Memadailah menggunakan sama ada pandemik, epidemik ataupun wabak berdasarkan tahap penularan sesuatu penyakit itu.

Oleh itu, berhati-hatilah ketika menggunakan kata wabak, epidemik dan pandemik dalam pertuturan dan penulisan. Elakkan diri daripada menggunakan istilah tersebut secara sembarangan kerana mendukung makna yang berlainan. Fahamilah baik-baik kosa kata kita sebelum menggunakannya. **PB**